

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

6

KKM pindah 5 pegawai terbabit kartel tuntutan PERKESO

Lima pegawai kesihatan dari Kementerian Kesihatan (KKM) yang terbabit dalam skandal kartel memaksakan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di Pulau Pinang sudah mula bertugas, tetapi dipindahkan ke hospital lain.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata lima-lima pegawai berkenaan ditukarkan sementara menunggu skiasatan lengkap.

"Pegawai yang terbabit kembali bertugas, namun dipindahkan ke hospital lain sementara menunggu hasil skiasatan dan perundangan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya di dalam jawapan bertulis di Parlimen semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Lim Guan Eng (PH-Bagan) yang mahu penjelasan berhubung tindakan lanjut oleh KKM terhadap pegawai yang ditangkap SPRM kerana terbabit skandal kartel memaksakan tuntutan hilang upaya PERKESO.

Guan Eng juga mahu mengetahui jika jabatan ortopedik hospital berkenaan perlu dirombak susulan skandal itu.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly menegaskan pilihannya secara pertinsipnya tidak berkompromi dengan sebarang unsur penyalahgunaan kuasa dan salah laku rasuah.

Mengulas lanjut isu membabitkan pegawainya di Pulau Pinang, beliau berkata, susulan tanggapan dibuat SPRM, kelima-lima pegawai berkenaan diambil tindakan tahan kerja di bawah peruntukan Peraturan 43.

Ini termasuk di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tetapterbit) 1993 berkuat kuasa 17 September lalu.

"Tempoh tahan kerja adalah selama 90 hari bagi memudahkan cara urusan skiasatan dan tempoh tahan kerja itu berakhir pada 16 Oktober lalu," jelasnya.

Susulan skandal yang berlaku di jabatan ortopedik hospital berkenaan, Dr Dzulkefly berkata, fungsi dan operasi jabatan itu diteruskan seperti biasa.

Dr Dzulkefly Ahmad



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Sidang DUN Terengganu

PBT Terengganu diarah tak perbaharui lesen jual vape

Kuala Terengganu: Semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di Terengganu sudah diarahkan untuk tidak memperbaharui lesen penjualan vape atau rokok elektronik dalam kawasan pentadbiran masing-masing.

Menyertai Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, berkata kerajaan negeri sudah mengadakan perbincangan dan PBT dalam proses tidak memperbaharui lesen penjualan vape.

Bellu menegaskan, itu bertujuan menjaga masalah umum terutama golongan muda.

"Mengikut bidang kuasa PBT, kerajaan negeri berkuasa untuk tidak membenarkan premis digunakan sebagai tempat penjualan vape," katanya ketika ditemui selepas persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu di sini, semalam.

Kelmarin, Menteri Kesihatan,

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, dilaporkan berkata Kerajaan Persekutuan kekal dengan pendirian tidak mengharuskan penjualan vape pada peringkat nasional, namun menyerahkan kepada kerajaan negeri untuk menentukan dasar termasuk malarang penjualan vape melalui PBT.

Dr Dzulkefly dilaporkan berkata, kerajaan akan terus mengamalkan pendekatan kawal

sela terhadap vape menerusi Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 859) yang dilawatkan semenjak malar 1 Oktober lalu.

Sebelum itu, Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, menyuarakan pengharapan total terhadap penggunaan vape di negeri itu.

Al-Sultan Abdullah dilaporkan bertitah, saranan itu dibuat

sesuai keseimbangan baginda akan penyulunggunaan dadah yang semakin meningkat di Pahang, terutama dalam kalangan belia, berdasarkan statistik Agensi Antidrug Kebangsaan (AADK).

Pada Disember 2015, Muzakarah Khas Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam memutuskan rokok elektronik termasuk vape adalah haram.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LOKAL

lokal

Seramai 144,589 ahli KWSP manfaat pengeluaran i-Lindung

Kuala Lumpur: Seramai 144,589 ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memanfaatkan kemudahan pengeluaran di bawah Program i-Lindung bagi pembelian insurans perlindungan hayat dan penyakit kritikal.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata, kemudahan itu boleh dikeluarkan ahli KWSP mene-

rusi Akaun Sejahtera sejak diperkenalkan pada 2022.

Seramai 144,589 ahli memanfaatkan kemudahan pengeluaran simpanan daripada Akaun Sejahtera bagi membeli insurans perlindungan hayat dan penyakit kritikal di bawah Program i-Lindung.

Jumlah pengeluaran di bawah inisiatif itu ialah RM44.2 juta sejak diperke-

nikan pada Julai 2022 sehingga September 2024.

Bermula Februari 2024 pula, KWSP menambah baik i-Lindung Fasa 2 di bawah Pelan Perlindungan

Ahli di mana ahli boleh menggunakan simpanan dalam Akaun Sejahtera untuk membeli produk insurans konvensional dan takaful untuk perlindungan hayat dan insurans penya-

kit kritikal untuk ahli ber-bangsa terdekat mereka, katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab pertanyaan **Chiew Choo Man (PH-MRL)** sama ada KWSP boleh memperkasakan program i-Lindung melalui subsidi dan rundingan bersama syarikat insurans agar perlindungan perubatan dapat ditawarkan se-

hingga umur 99 tahun pada kadar berpatutan.

Lim berkata, kerajaan menyambut baik usaha itu, namun tidak mengeneppikan tujuan utama KWSP ditubuhkan untuk menyediakan tabung simpanan persaraan yang dapat memastikan kesejahteraan kewangan kepada rakyat Malaysia selepas mereka bera-

Dadah sintetik dominasi pasaran negara

Kuala Lumpur: Dadah sintetik dilihat mendominasi pasaran apabila penyyalnggunaan menjadi penyumbang tertinggi berbanding dadah jenis lain di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Shamsul Anwar Nasarrah mengaiti pihaknya berdepan cabaran dalam membendung isu itu berikutan wujudnya dadah sintetik dalam kategori Amphetamine Type Stimulants (ATS).

"Antara punca yang menyebabkan masalah dadah itu sukar dibendung adalah perubahan trend daripada jenis dadah organik kepada sintetik. Ini sangat mencabar.

Berdasarkan statistik, seramai 115,410 orang terabit dalam penyyalnggunaan jenis ATS ini iaitu 74 peratus berbanding keseluruhan jenis dadah.

"Sehingga September lalu, penyyalnggunaan jenis gas kira-kira empat peratus iaitu membabitkan 6,750 orang," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin)** mengenai punca sehingga masalah dadah sukar dibendung dan sejauh mana persiapan dilaksanakan KDN dari segi penguatkuasaan, logistik dan rawatan penyalnggunaan.

Mengulas lanjut, Shamsul Anwar berkata, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menerusi 30 Pusat Penyalnggunaan Narkotik (Puspen) menjalankan program rawatan di seluruh negara.

Oleh Mahaizura Abd Malik
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lima pegawai Kementerian Kesihatan (KKM) yang terabit dengan isu kartel memalsukan tuntutan bilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dipindahkan ke hospital lain.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, langkah itu sebagai tindakan sementara menunggu hasil siasatan dan pertuduhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Berhubung tangkapan dibuat SPRM berkaitan diskaun pegawai KKM terabit dalam skandal kartel memalsukan tuntutan bilang upaya Perkeso di Pulau Pinang, kelima-lima pegawai itu sudah diambil tindakan tahan kerja mengikut peruntukan Peraturan 43, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 berkuat kuasa 17 September lalu.

"Tempoh tahan kerja selama 30 hari itu bagi memudah cara urusan siasatan dan tempoh tahan kerja sudah berakhir pada 16 Oktober lalu.

"Pada masa ini, pegawai terabit sudah kembali bertugas namun dipindahkan ke hospital lain sementara menunggu hasil siasatan dan pertuduhan

SUSULAN ISU PEGAWAI KKM PALSU TUNTUTAN PERKESO

Pindah hospital tunggu siasatan



SPRM," katanya dalam jawapan bertulis di laman web Parlimen.

Beliau mengulas pertanyaan **Lim Guan Eng (PH-Baganas)** mengenai tindakan diambil terhadap pegawai berkenaan dan rom-

bakan ke atas sistem pengurusan selangor serta sama ada jabatan Ortopedik berkenaan masih berfungsi.

Di samping itu, mengulas lanjut, Dr Dzulkefly turut berkata, skop fungsi dan pengoperasian jabatan Ortopedik di hospital terabit diteruskan seperti biasa.

"Ia bagi menyampaikan pekhidmatan kepakaran ortopedik kepada pesakit dengan dibantu pegawai dari hospital berhampiran," katanya.

Sebelum ini, SPRM menahan 37 individu dalam Op Tunjung membabitkan enam pegawai perubatan, 19 pesakit, sembilan ejen dan tiga rawan kerana dipercayai terabit dengan sindiket tuntutan palsu kepada Perkeso.



DR Dzulkefly



NGA Koor Ming



LIM Hui Ying

707 projek rumah swasta dikategori sakit

Kuala Lumpur: Sebanyak 707 projek perumahan swasta dikategorikan sebagai sakit, terbiangkali dan lewat direkodkan sehingga 31 Oktober lalu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPNT), Ngai Koo Ming berkata, kesemua projek itu membabitkan 129,007 unit rumah yang dibeli 73,857 individu.

"Daripada jumlah itu, 222 projek perumahan swasta berstatus lewat membabitkan 35,238 unit rumah dengan 25,051 pembeli.

"Bagi projek sakit pula, sebanyak 382 projek direkodkan membabitkan 61,987 unit rumah dan 37,741 pembeli.

"Sebabnya, 113 projek lagi berstatus

terbiangkali merangkumi 30,504 unit rumah dan 16,055 pembeli," katanya di laman web Parlimen.

Ngai menjawab pertanyaan **Stavakumar Varadaraju (PH-Batu Gajah)** mengenai inter-

vensi kons- truktif KPNT dalam memban- tu pembe- li projek

perumahan bermasalah termasuk projek terbiangkali dan lewat penyerahan bagi menjamin hak serta kesejahteraan pembeli.

Ngai berkata, KPNT sentiasa berusaha memelihara dan melindungi hak pembeli dengan memastikan pengurusan projek perumahan dilaksanakan dengan baik supaya tidak tergolong dalam kategori sakit atau terbiangkali.

Sebanyak 382 projek babit 63,267 unit rumah berstatus sakit

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : LOKAL

Lesen jual vape tidak dibenar diperbaharui

Kuala Terengganu: Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diminta tidak memperbaharui lesen penjualan vape atau rokok elektronik di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, semua premis di bawah kuasa kerajaan negeri tidak dibenarkan memperbaharui lesen penjualan vape.

Kalanya, kerajaan negeri mengadakan perbincangan dan PBT dalam proses tidak memperbaharui lesen penjualan vape.

"Mengikut bidang kuasa PET kita (kerajaan negeri) berkuasa tidak membenarkan premis digunakan sebagai tempat penjualan vape," katanya selepas Persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Tereng-

ganu di sini, semalam.

Terdahulu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dilaporkan berkata, kerajaan Persekutuan kekal dengan pendirian tidak menghermakan penjualan vape pada peringkat nasional namun menyerahkan kepada kerajaan negeri untuk menentukan dasar termasuk melarang penjualan vape melalui PBT.

Pada Disember 2019, Mazakarah Khas Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam memutuskan rokok elektronik termasuk vape haram.

Ahmad Samsuri berkata, tindakan tidak memperbaharui lesen penjualan vape demi kebaikan semua terutama golongan muda,

+

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : LOKAL



Sabah perlu 7k doktor ikut saranan WHO

Kota Kinabalu: Sabah memerlukan 7,000 doktor bagi mencapai nisbah seorang doktor bagi setiap 500 penduduk seperti disarankan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sandakan, Datuk Dr. Yusof Yacob, berkata ketika ini hanya ada 554 doktor pakar dan 1,951 pegawai perubatan di Sabah.

"Kalau sekarang ini, dengan jumlah itu, satu doktor menjaga 1,400 orang. Untuk mencapai nisbah satu doktor 500 orang mengikut WHO, kita perlu 7,000 doktor di Sabah," katanya ketika membahaskan Belanjawan Sabah 2025 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Sabah, di sini, semalam.

Dr Yusof yang juga Pe-

nggerusi Kelab Penyokong Kerajaan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) - Pakatan Harapan (PH) Plus, berkata, bilangan doktor yang berkhidmat di Sabah ketika ini juga belum memenuhi jumlah perjawatan yang ditawarkan.

Katanya, jawatan doktor pakar yang disediakan di Sabah ialah sebanyak 620 perjawatan tetapi yang diisi cuma 554 orang, iaitu kekosongan seramai 66 orang.

Bagi jawatan Pegawai Perubatan, katanya ada sebanyak 2,375 perjawatan disediakan, namun hanya 1,951 yang diisi.

"Kalau ikut di Sabah dengan jumlah perjawatan yang ada, iaitu 2,995 untuk merawat 3.5 juta orang, jadi ertinya satu orang doktor untuk 1,100 orang," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Kosmo! KHAMIS 21 NOVEMBER 2024

Negara! 5

KKM guna AI kesan penyakit kanser

Oleh AHMAD SHAHERMAN
SHAMSURI

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan (KKM) sedang merancang untuk menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi membantu mengesan penyakit terutamanya berkaitan kanser.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya ketika ini sedang melaksanakan kajian menggunakan teknologi itu bersama Bahagian Penilaian Teknologi Kesihatan Malaysia (MaHTAS) iaitu sesesyen di bahagian Bahagian Perkembangan Perubatan Kementerian Kesihatan (KKM).

Jelasnya, kerjasama itu melibatkan saringan kanser paru-paru menggunakan teknologi AI.

DEWAN RAKYAT

"Kajian ini menilai keberkesanan AI dalam membantu pakar perubatan radiologi mengesan kanser paru-paru melalui penggunaan sinar-X dada.

"Kajian ini turut mencadangkan bahawa teknologi AI dapat menjadi 'mata kedua' (second reader) untuk membantu pengesanan modul paru-paru dengan lebih tepat dan lebih awal.

"Dapatan kajian memurujuk-

kan, penggunaan algoritma AI meningkatkan sensitiviti dan menurunkan kadar keputusan positif palsu terutama dalam kalangan pakar perubatan radiologi yang lebih junior," katanya dalam jawapan bertulis yang disiarkan di laman sesawang Parlimen sebelum ini.

Bellau berkata demikian ketika menjawab Wong Chen (PE-Subang) yang bertanyakan tentang perkembangan penggunaan AI dalam pengesanan kanser di hospital awam di negara ini.

Tambah Dzulkefly, pengujian di peringkat kajian lapangan dan penggunaannya secara lebih menyeluruh sudah bermula di Institut Kanser Negara (IKN) diusuli di Hospital Cyberjaya, Hospital Kajang dan Hospital Putrajaya.



DZULKEFLY merencanakan kajian yang dibuat ketika ini adalah untuk menilai keberkesanan teknologi AI dalam membantu pakar perubatan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Kartel tuntutan palsu PERKESO: Lima pegawai KKM dipindah tempat kerja - Dr Dzulkefly

KUALA LUMPUR - Lima pegawai Kementerian Kesihatan (KKM) yang didakwa terlibat dalam skandal kartel tuntutan palsu terhadap Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di Pulau Pinang, dipindahkan ke hospital lain.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkifly Ahmad berkata, tindakan itu dibuat sementara menunggu hasil siasatan dan pertuduhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Berhubung dengan langkah-an yang dibuat SPRM berkaitan dakwaan bahawa pegawai Kementerian terlibat dalam skandal kartel memabukan tuntutan hilang upaya PERKESO di Pulau Pinang, kelima-lima pegawai itu telah diambill tindakan tahan kerja di bawah peruntukan Resolusi 43, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Ketikaan dan Tindakan) 1993 berkuat kuasa 17 September 2024.

"Tempoh tahan kerja adalah selama 30 hari bagi memudahkan para urusan siasatan dan telah berakhir pada 16 Oktober lalu.

"Pada masa ini, pegawai yang terlibat telah kembali ber-tugas namun di-pindahkan ke hospital lain sementara ma-nunggu hasil siasatan dan pertuduhan oleh SPRM," katanya menjawab pertanyaan Lim Guan Eng (PH-Bagan) me-negeni tindakan diambil terhadap pegawai terlibat dan rombakan ke atas sistem pengurusan se-kerang serta sama ada jabatan Ortopedik berkenaan masih ber-fungsional.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkifly menjelaskan, skop fungsi dan pengoperasian jabatan ortopedik di hospital terlibat diteruskan se-perti biasa.

"Ia bagi menyampaikan per-khidmatan kepekaan ortopedik kepada pesakit dengan dibantu pegawai dari hospital berhampir-an," katanya.

Sebelum ini, SPRM menahan seramai 37 individu termasuk enam doktor menerusi Op Tunjang selepas dipercayai ter-libat dalam sindiket tuntutan pa-lsu kepada PERKESO.



DR DZULKEFLY

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

Lima pegawai KKM terlibat kartel Perkeso dipindah

PETALING JAYA: Lima pegawai Kementerian Kesihatan (KKM) yang didakwa terlibat kes pemalsuan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) akan dipindahkan ke hospital lain susulan tempoh tahan kerja berakhir pada 16 Oktober lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, tindakan itu hanya sementara menunggu hasil siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Kata beliau, mereka kembali bertugas berikutan tempoh tahan kerja berakhir pada 16 Oktober lalu.

Terdahulu, 33 individu termasuk tiga orang doktor ditahan reman bagi membantu siasatan kes tersebut.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : GAYA

24 Utusan Malaysia
KHAMIS • 21 NOVEMBER 2024

Gaya • k

Oleh **INTAN SUHANA CHE OMAR**
intan.suhana@medemula.com.my

GOLONGAN berpendapatan rendah atau B40 paling tinggi menghidap penyakit kencing manis di negara ini. Berdasarkan laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), prevalens kencing manis dan hipertensi adalah tertinggi dan paling cepat meningkat dalam kalangan isi rumah berkenaan. Malah, Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2023 (NHMS) menunjukkan sindrom metabolik iaitu sekumpulan keadaan yang merangkumi peningkatan tekanan darah, peningkatan gula, lemak badan berlebihan di pinggang dan kadar kolesterol tidak normal lebih tinggi dalam kumpulan B40 (41 peratus) berbanding M40 (30 peratus) dan T20 (35 peratus).

Sindrom metabolik ini sekiranya tidak dirawat boleh meningkatkan risiko penyakit jantung, strok dan juga diabetes.

Ketua Unit Rawatan Diabetes, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Prof. Madya Lim Lee Ling berkata, situasi itu berkemungkinan berlaku disebabkan oleh tekanan psikologi dan persekitaran.

"Kajian telah menunjukkan kaitan antara pendapatan rendah dan prevalens diabetes yang lebih tinggi.

"Akses terhad kepada penjagaan kesihatan berkualiti tinggi serta pemakanan yang kurang baik juga meningkatkan risiko golongan kurang berkemampuan kepada diabetes," katanya kepada Utusan Malaysia.

Untuk rekod, NHMS yang dikeluarkan pada Mei 2024 menunjukkan sejumlah 3.6 juta atau 15.6 peratus rakyat Malaysia menghidap kencing

manis atau diabetes mellitus (DM).

Mengikut pecahan kaum, prevalens tertinggi DM adalah dalam kalangan orang India (18.5 peratus), diikuti oleh Melayu (11 peratus), Cina (8.5 peratus) dan Bumiputera Sarawak (7.9 peratus).

JANGAN AMBIL MUDAH

Walaupun DM atau kencing manis ini sudah sebari dalam masyarakat Malaysia, namun Lee Ling mengingatkan rakyat agar tidak memandang ringan penyakit tersebut.


Apatah lagi, dengan anggaran bahagian penduduk Malaysia yang terjejas akibat diabetes dijangka meningkat kepada 20.01 peratus pada 2024 berbanding hanya 15.6 peratus sebelum ini.

Diabetes, terutama jenis 2, adalah faktor risiko yang ketara untuk kedua-dua penyakit buah pinggang kronik (CKD) dan penyakit kardiovaskular (CVD).

Keadaan yang saling berkaitan ini dikenali secara kolektif sebagai sindrom metabolik kardiovaskular-buah pinggang (CKM) yang melibatkan kegagalan fungsi serentak pada jantung, buah pinggang dan sistem metabolik.

"Pesakit dengan sindrom CKM mengalami litaran ganas di mana kegagalan fungsi jantung dan buah pinggang berterusan antara satu sama lain menjadikan rawatan lebih mencabar.

"Tahap gula dalam darah yang tinggi secara berterusan disebabkan oleh diabetes



pula boleh menyebabkan kerosakan pada saluran darah dan saraf.

"Keadaan itu sekaligus menjadikan peredaran darah menjadi terhad, tekanan darah tinggi dan kolesterol tinggi, kerosakan ini meningkatkan risiko penyakit kardiovaskular di samping mengurangkan fungsi buah pinggang," jelasnya.

DIAGNOSIS AWAL

Diagnosis dan rawatan awal boleh mengurangkan risiko komplikasi jangka panjang seperti penyakit jantung, strok, kegagalan buah pinggang, kerosakan saraf dan penglihatan.

"Komplikasi ini sering berlaku selepas bertahun-tahun glukosa darah tidak terkawal, tetapi diagnosis dan rawatan awal boleh melambatkan atau mencegah komplikasi berkenaan.

"Selain itu, diabetes adalah salah satu punca utama CKD. Rawatan awal boleh membantu melambatkan permulaan kegagalan fungsi buah pinggang sekali gus mengurangkan kemungkinan

KANDUNGAN gula dalam darah yang tinggi boleh meningkatkan risiko penyakit kardiovaskular dan menjejaskan fungsi buah pinggang.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : GAYA

ESIHATAN

Utusan Malaysia
10 HARI • 21 NOVEMBER 2024 25

ling ramai encing manis



ELAKKAN pengambilan minuman manis bagi mengurangkan risiko kesihatan.



Kajian telah menunjukkan kaitan antara pendapatan rendah dan prevalens diabetes yang lebih tinggi."

LIM LEE LING

memerlukan dialisis atau pemindahan buah pinggang," katanya.

Tambah Lee Ling, mendapatkan rawatan awal sekiranya disahkan menghidap penyakit itu akan memberikan kualiti hidup yang lebih baik kepada pesakit.

Menguruskan diabetes sejak awal membantu individu meningkatkan keupayaan berfungsi dan kesihatan keseluruhan serta berpotensi mengurangkan tekanan, kebimbangan dan kemurungan.

Ja juga mengurangkan risiko dimasukkan ke hospital akibat komplikasi dan keadaan teruk seperti ketoasidosis Diabetik.

"Diagnosis awal dan pengurusan diabetes jenis 2 yang tepat pada masanya terutama dalam pradabetes boleh menghalang atau melambatkan perkembangannya.

"Ini boleh dicapai melalui perubahan gaya hidup seperti pemakanan sihat, aktiviti fizikal yang kerap atau ubat-ubatan tertentu," ujarnya.



AMALAN gaya hidup sihat seperti berlari dan berbasikal dapat mengurangkan risiko penyakit termasuk kencing manis.

KEMAJUAN RAWATAN

Mengulas mengenai rawatan, kata Lee Ling, kemajuan terapeutik terkini telah mengubah pengurusan diabetes dengan menawarkan kawalan yang lebih baik ke atas paras glukosa darah dan meningkatkan kualiti hidup pesakit.

Inovasi seperti sistem pemantauan glukosa berterusan (CGM) menjadikan pengurusan diabetes lebih tepat dan kurang membebankan.

"Peranti ini menyediakan data masa nyata tentang paras gula dalam darah setiap gus membolehkan pesakit maklum mengenai pemakanan, senaman dan penggunaan insulin mereka.

"Di samping itu, ubat-ubatan seperti perencat SGLT2 dan agonis reseptor GLP-1 boleh membantu menurunkan darah paras gula serta menawarkan perlindungan kardiovaskular dan buah pinggang.

"Ini amat bermanfaat kepada penghidap diabetes kerana mereka berisiko tinggi terhadap penyakit buah pinggang dan jantung," jelasnya.

CEGAH DIABETES

Walaupun B40 berkemungkinan mempunyai akses yang terhad kepada penjagaan kesihatan berkualiti, namun bukan bermakna golongan ini tidak boleh mencegah diabetes.

Amalan gaya hidup yang baik dan mengurangkan faktor risiko dengan betul mampu melindungi setiap individu daripada penyakit berbahaya ini.

Antara yang disarankan Lee Ling adalah mengamalkan pemakanan yang sihat dengan pengambilan diet yang kaya dengan bijirin penuh, buah-buahan, sayur-sayuran,

protein tanpa lemak dan lemak sihat.

Elakkan makanan yang diproses tinggi dan minuman manis serta amalkan sukusuku separuh seperti yang disyorkan oleh Persatuan Nutrisi Malaysia.

"Makan secara sederhana adalah penting kerana mengawal saiz hidangan boleh membantu mengekalkan berat badan yang sihat dan mencegah lonjakan gula dalam darah.

"Berat badan yang berlebihan terutama di sekitar perut meningkatkan risiko diabetes dan komplikasi kardiovaskular serta buah pinggang.

"Kehilangan lima hingga 10 peratus berat badan boleh mengurangkan risiko diabetes jenis 2 dengan ketara," jelasnya.

Selain mengawal pemakanan, amalkan juga aktiviti fizikal bagi mengurangkan risiko diabetes seperti berjalan, berenang dan latihan kekuatan.

GAYA HIDUP SIHAT

• Mengekalkan berat badan sihat: Berat badan berlebihan, terutama di sekitar perut meningkatkan risiko diabetes.

• Pemantauan glukosa darah secara berkala: Lakukan pemantauan glukosa dalam darah secara berkala jika memiliki berat badan berlebihan atau sejarah keluarga.

• Berhenti merokok dan hadkan alkohol: Berhenti merokok boleh meningkatkan sensitiviti insulin dan mengurangkan risiko diabetes jenis 2 dan penyakit jantung.

• Mengurangkan tekanan darah dan kolesterol: Amalan gaya hidup dan pengambilan ubatan yang betul untuk mengawal tekanan darah tinggi dan paras kolesterol mampu mengurangkan risiko diabetes.

DIABETES MENGIKUT KAUM

• 3.6 juta atau 15.6 peratus rakyat Malaysia menghidap kencing manis

• India (18.5 peratus), Melayu (11 peratus), Cina (8.5 peratus), Bumiputera Sarawak (7.9 peratus).



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 30
RUANGAN : DALAM NEGERI

Hospital Teluk Intan rintis kempen makanan, minuman 'bebas gula'

TELUK INTAN Hospital Teluk Intan (HTI) bakal menjadi institusi perubatan awam yang merintis kempen 'bebas gula' selain menggalakkan makanan sihat di negara ini.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ekwial Masyarakat Perak dan Integrasi Nasional Perak, A. Sivanesan, berkata, HTI akan menjadi hospital kajian bebas gula untuk penyediaan minuman dan makanan kepada pesakit termasuk di kantin dan kafeteria.

Beliau berharap perkara itu diharap dapat direalisasikan pada Januari tahun depan.

Katanya, peraturan itu turut menetapkan pelawat tidak dibenarkan membawa minuman bergula dan makanan tidak berkhasiat sepanjang berada di hospital berkenaan.

"Saya mengharapkan perkara

ini dapat dipertimbang pengarah kesihatan negeri dan hospital. Kita isytihar zero sugar (HTI)," katanya pada Majlis Pelancaran War On Sugar Peringkat Negeri Perak dan Program Kesihatan Warga Emas di Hospital Teluk Intan (HTI) di sini, semalam.

Katanya, HTI sesuai untuk dijadikan sebagai hospital kajian kerana menampung pesakit yang ramai.

"Saya juga berbual dengan pelawat dan pesakit di kantin hospital yang menyatakan teh tarik yang disediakan kurang gulanya berbanding di luar.

"Makanan yang disediakan kurang minyak dan lemak kerana tiada kulit. Pemeriksaan saya di dapur kantin hospital turut mendapati dapurnya bersih walaupun perlu menyediakan makanan untuk beratus-ratus orang," katanya.



A. SIVANESAN (tengah) pada Pelancaran War On Sugar Peringkat Negeri Perak dan Program Kesihatan Warga Emas di Hospital Teluk Intan (HTI), Perak, semalam.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION

'Cancer detection using AI at hospitals possible'

THE Health Ministry is open to exploring the use of artificial intelligence (AI) for disease detection, especially cancer, in public hospitals, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

In a parliamentary written reply, the Health Minister said such a move will be considered once AI tools in the field are proven safe, effective and cost-efficient.

"AI technology holds significant potential in enhancing the capabilities of healthcare systems, especially in diagnosing and detecting diseases like cancer at an early stage.

"However, the benefits and potential of this technology must be carefully assessed to ensure that AI is truly impactful and safe to use within the country's healthcare system," he said.

Dzulkefly was replying to a question from Wong Chen (PH-Selangor) on whether the Health Ministry is considering AI for cancer detection in public hospitals.

He explained that the ministry's Malaysian Health Technology Assessment Section (Mahtas), part of the Medical Development



Moving with care: Dzulkefly speaking at the Dewan Rakyat on Tuesday. — Bernama

Division, has conducted several assessments of AI applications in cancer detection.

"Mahtas has also evaluated other AI-related technologies, such as early tuberculosis detection using chest X-rays and port-

able ultrasound applications integrated with AI," he said.

Currently, the unit is assessing AI's role in screening for lung cancer, breast cancer and cervical cancer.

In relation to lung cancer,

Dzulkefly noted that the ministry has been assessing the effectiveness of AI in aiding radiologists with the detection of lung cancer through chest X-rays.

Field testing is underway at the National Cancer Institute, with plans to extend it to Hospital Cyberjaya, Hospital Kajang and Hospital Putrajaya.

Initial findings suggest that AI algorithms have improved sensitivity and reduced false-positive rates, particularly among junior radiologists.

"The study has also suggested that AI could serve as a 'second reader' to enhance the accuracy and timeliness of lung nodule detection," Dzulkefly added.

For breast cancer screening, he said while initial findings highlight AI's potential to support mammogram screenings, the available evidence remains limited.

Similar to this, the ministry is investigating the potential of AI in the early detection of cervical cancer through medical imaging, but more research is required to confirm the efficacy of this technology in cervical cancer screening.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL

